

NO. SOALAN: 55

untuk akses kepada data terbuka (*open data*) serta meningkatkan penggunaan penyelesaian dan aplikasi *Big Data*.

MAMPU berperanan untuk memacu dan memudah cara pembangunan rangka kerja dan inisiatif BDA bagi sektor awam yang termasuk fungsi untuk menyelaraskan, memantau dan melaporkan kemajuan semua program berkaitan BDA di sektor awam. Pada masa ini, MAMPU sedang menerajui pelaksanaan empat (4) projek perintis dalam bidang yang telah dikenal pasti iaitu Kawalan Harga, Pencegahan Jenayah, Ramalan Penyakit Berjangkit dan Analisis Sentimen bersama dengan kementerian dan agensi berkaitan di bawah Jawatankuasa Teknikal BDA.

MDeC, sebagai agensi di bawah KKMM, berperanan untuk memacu inisiatif BDA melalui pembangunan ekosistem BDA serta melalui penyelarasan dan pemantauan program berkaitan BDA di sektor swasta yang diselia di bawah Pasukan Petugas BDA. Antara program dan projek yang telah dilaksanakan MDeC termasuk meningkatkan penggunaan penyelesaian dan aplikasi *Big Data* serta usaha menjadikan Malaysia sebagai hab industri *Big Data*.